

Budaya Material Dan Hubungannya Dengan Adaptasi Masyarakat Temiar Di Pos Kuala Mu, Sungai Siput, Perak, Malaysia

Noorsyarmalaila binti Ramli, Hamid Muhammad Isa
& Mokhtar Saidin

Abstrak

Dengan menggunakan kaedah etnografi melalui penyertaan ikut serta, satu kajian telah dijalankan untuk melihat hubungan antara corak adaptasi masyarakat Temiar dengan budaya material mereka. Data kajian ini diperolehi melalui kerja lapangan yang dijalankan dari 10.11.2014 hingga 27.11.2014 dan 29.09.2014 hingga 03.10.2014 di beberapa penempatan Temiar di Pos Kuala Mu, Kampung Gapeh Hulu, Kampung Gapeh Hilir, Kampung Bersah dan Kampung Toh yang terletak di daerah Sungai Siput Perak. Tumpuan perbincangan adalah berdasarkan kepada lima klasifikasi utama budaya material iaitu alat pengeluaran, alat domestik, alat ritual, alat muzik dan alat perhiasan diri dengan membincangkan sejauhmana peralatan budaya material mempengaruhi sosio budaya masyarakat yang dikaji.

Kata Kunci: budaya material, temiar, budaya bambu

Abstract

Using the ethnographic method through the participation of a study was conducted to see the relationship between the adaptation patterns of the Temiar society with their material culture. The data of this study were obtained through field work carried out from 10.11.2014 to 27.11.2014 and 29.09.2014 until 03.10.2014 at several Temiar settlements at Pos Kuala Mu, Kampung Gapeh Hulu, Kampung Gapeh Hilir, Kampung Bersah and Kampung Toh located in Sungai Siput Perak area. The focus of discussion is based on the five main classifications of material culture namely production equipment, domestic tools, ritual tools, musical instruments and personal jewelry tools by discussing the extent to which cultural material equipment affects the socio-cultural community being studied.

Keywords: material culture, Temiar, bamboo culture

PENGENALAN


Masyarakat Temiar merupakan subetnik kumpulan Senoi yang populasinya tersebar di antara sempadan Perak dan Kelantan di Semenanjung Malaysia. Populasi masyarakat Temiar ialah seramai 31038 orang daripada jumlah keseluruhan populasi Senoi yang berjumlah 97856 orang (JAKOA 2013). Secara istilah, masyarakat Temiar juga dikenali sebagai *Tummear* atau *Timeor*, *Tembe* atau *Serok* (Carey 1976). Mereka bertutur dalam bahasa *Central Aslian Austro Asiatic Mon Khmer* (Benjamin 1966).

KAWASAN KAJIAN

Kajian ini melibatkan 5 perkampungan masyarakat Temiar di Pos Kuala Mu, Sungai Siput, Perak. Kampung ini hanya boleh dilawati dengan menggunakan kenderaan pacuan empat roda yang mengambil masa kira-kira 2 jam perjalanan merentasi jalan tanah merah berbukit sejauh 37 km dari pekan Lasah. Majoriti penempatan ini berkedudukan di kawasan tanah tinggi dengan purata 643 meter dari paras laut (Jadual 1, Rajah 1). Corak penempatan di kawasan hutan, kawasan tanah tinggi amat sinonim dengan masyarakat Temiar sejak berzaman. Ini dikaitkan dengan penglibatan mereka dalam pertanian padi bukit dan lain-lain tanaman sara diri, aktiviti memburu dan mengumpul serta menangkap ikan. Selain itu, ia juga dipengaruhi oleh kepercayaan mereka terhadap persekitaran yang mereka percayai dihuni oleh pelbagai makhluk halus dan semangat yang menjadi fokus kepada kepercayaan nenek moyang mereka.

Jadual 1 : Koordinat dan ketinggian kawasan kajian.

BIL	KAWASAN KAJIAN	KOORDINAT	KETINGGINAN DARI ARAS LAUT
1	Kampung Kuala Mu	N04°50'12.0"E101°20'05.6"	644m
2	Kampung Toh	N04°50'26.6"E101°19'59.6"	641m
3	Kampung Bersah	N04°50'13.7"E101°20'02.2"	623m
4	Kampung Gapeh Hulu	N04°50'16.7"E101°20'12.9"	641m
5	Kampung Gapeh Hilir	N04°50'13.9"E101°20'02.2"	668m



Rajah 1 : Lokasi kajian di Pos Kuala Mu, Sungai Siput, Perak

Budaya Material

Budaya material ialah satu sub-bidang penting dalam kajian antropologi budaya. Menurut Susan (1989), budaya material ialah artifak yang dibina oleh manusia melalui gabungan bahan mentah dan teknologi, budaya material termasuklah peralatan memburu, hiasan tembikar yang melalui satu siri perbezaan antara makna dan simbol. Menurut Deetz (1977) budaya material ialah objek yang diubahsuai melalui tingkahlaku budaya. Manakala menurut Hamid (2014), budaya material didefinisikan sebagai peralatan yang bersifat kebendaan dan mempunyai pertalian dengan elemen-

elemen budaya masyarakat yang dikaji. Budaya material ini perlu dikaji kerana ianya dapat memberi sumbangan terhadap pemahaman mengenai cara kerja individu dan masyarakat.

HASIL KAJIAN

Satu survei telah dijalankan untuk mengidentifikasi peralatan budaya material di kawasan kajian. Klasifikasi adalah berdasarkan klasifikasi Hamid (2014) yang terdiri dari lima kategori iaitu alat pengeluaran, alat domestik, alat muzik, alat perhiasan diri dan alat ritual. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat 21 jenis peralatan budaya yang terdapat di kawasan kajian (Jadual 2). Hasil kajian mendapati alat pengeluaran mewakili 52% yang terdiri daripada 11 jenis alat pengeluaran, alat domestik pula sebanyak 19% yang terdiri daripada 4 jenis alat domestik, alat muzik 10% yang terdiri daripada 2 jenis alat, alat perhiasan diri 10% mewakili 2 jenis alat, manakala alat ritual juga 10% yang terdiri daripada 2 jenis alat. Peralatan budaya material masyarakat Temiar bersifat ringkas, mudah, rasional, praktikal dan berkesan yang berasaskan alam semulajadi. Berdasarkan survei juga mendapati terdapat sebanyak 33% peralatan budaya material yang telah mengalami kepupusan dan sebanyak 66% yang masih lestari. Ini menunjukkan bahawa peralatan budaya material masyarakat Temiar di kawasan kajian berada dalam keadaan terancam.

Jadual 2 : Survei terhadap peralatan budaya material masyarakat Temiar

Nota: X : masih ada

BIL	BUDAYA MATERIAL	KLASIFIKASI	BAHAN MENTAH	KELESTARIAN
1	Sumpit atau <i>belau</i>	Alat pengeluaran	Buluh	X
2	Lembing besi atau <i>bulus</i>	Alat pengeluaran	Kayu	X
3	Lembing buluh atau <i>bajak</i>	Alat pengeluaran	Buluh	TIADA
4	Bubu	Alat pengeluaran	Bertam	X
5	Beliung atau <i>jet</i>	Alat pengeluaran	Kayu	X
6	Perangkap burung atau <i>sheap</i>	Alat pengeluaran	Buluh	X
7	Perangkap haiwan besar atau <i>umuh</i>	Alat pengeluaran	Buluh	TIADA
8	Perangkap babi atau <i>suda</i>	Alat pengeluaran	Buluh	TIADA
9	Jerat tikus atau <i>kem</i> atau <i>kem boat</i>	Alat pengeluaran	Rotan	
10	Nyiru atau <i>gadam/apeit</i>	Alat domestik	Bertam	X
11	Tuai (<i>Rentiq</i>)	Alat pengeluaran	Kayu	TIADA
12	Lesung (<i>Gul</i>)	Alat pengeluaran	Kayu	TIADA
13	Tikar atau <i>apeel</i>	Alat domestik	Mengkuang	X
14	Bakul pikul belakang atau <i>aget</i>	Alat domestik	Mengkuang	X
15	Kukur kelapa atau <i>kanik</i>	Alat domestik	Rotan	X
16	<i>Kereb</i>	Alat muzik	Buluh	TIADA
17	<i>Sea oi</i>	Alat muzik	Buluh	TIADA
18	Gelang tangan atau <i>chenus</i>	Alat perhiasan diri	Rotan	X
19	Rantai buah biji tasbih atau <i>rantai krayel</i>	Alat perhiasan diri	Buah Jelai	X
20	<i>Cantong</i>	Alat ritual	Buluh	X
21	<i>Tempok</i>	Alat ritual	Kepelbagaian Daun hutan	X

(i) Alat Domestik

Alat domestik melibatkan alat-alat kegunaan rumahtangga seperti alat memasak, alat menyediakan dan menyimpan makanan, menyimpan benih tanaman, alat perhiasan dan keperluan diri dan sebagainya (Wazir & Radza 2001). Di antara peralatan domestik yang masih digunakan dalam masyarakat Temiar di kawasan kajian ialah tikar atau *apeel*, bakul atau *aget*, kukur kelapa atau *kanik*.

(ii) Alat Pengeluaran

Alat pengeluaran ialah alat yang digunakan untuk tujuan ekonomi dan sara diri seperti alat memburu dan mengumpul, alat pertanian dan alat menangkap ikan. Diantara alat pengeluaran masyarakat Temiar ialah sumpit atau *belau*, tabung damak atau *lek*, beliung atau *jek*, bubu, jerat burung atau *sheap*, nyiru atau *gadang/apeit*.

(iii) Alat Muzik

Hanya terdapat dua jenis alat muzik di kawasan kajian iaitu Chentung dan Kereb. Chentung ialah sepasang buluh yang telah dipotong berukuran antara 60-70 sm yang digunakan sebagai peralatan utama mengiringi tarian sewang. Irama dihasilkan apabila kedua pasang chentung dihentakkan pada kayu secara silih berganti. Manakala *kereb* pula ialah alat muzik bertali seperti gitar yang diperbuat dari buluh dan mempunyai tali dari rotan (Temubual: Along bin Angah, Kampung Gapeh Hilir, Sungai Siput, 25 November 2015).

(iv) Alat Perhiasan Diri


Berdasarkan kajian mendapati hanya terdapat dua alat perhiasan diri yang masih ada di kawasan kajian iaitu rantai biji tasbih atau *kerayel* dan gelang atau *chennus*. Alat perhiasan diri ini kebiasaannya dipakai oleh golongan wanita untuk tujuan kecantikan. Selain itu alat perhiasan ini juga akan turut dipakaikan pada tubuh si mati semasa pengkebumian (Temubual: Rotifah binti Idris, Kampung Bersah, Sungai Siput, 24 November 2015).

(v) Alat Ritual

Satu-satunya alat yang digunakan dalam ritual ialah hiasan kepala yang dikenali sebagai *Tempok*. *Tempok* dipakai semasa berlangsungnya upacara membuka pantang kematian, majlis sewang perubatan atau *Senidul* yang biasanya diadakan sebanyak 3 kali seminggu. *Tempok* diperbuat dari campuran tumbuh-tumbuhan dan bunga yang berbau wangi dan segar yang diperolehi dari hutan. Antara jenis bunga yang digunakan ialah bunga *pungai*, bunga *ajek* dan bunga *sarat*. Ia bertujuan untuk menarik perhatian makhluk halus dan semangat (Temubual: Rotifah binti Idris, Kampung Bersah, Sungai Siput, 24 November 2014).

Bahan mentah

Bahan mentah ialah bahan yang digunakan dan dimanipulasikan untuk menghasilkan sesuatu peralatan budaya material. Hasil kajian mendapati bahawa peralatan budaya material masyarakat Temiar di kawasan kajian banyak bergantung kepada sumber tumbuhan hutan yang ada di persekitaran mereka. Antara yang paling dominan ialah penggunaan buluh sebanyak 37%, kayu 19%, bertam 10%, mengkuang 10%, rotan 14% dan lain-lain mewakili 10% (Rajah 3). Buluh amat dominan kerana ia mudah diperolehi, ringan dan mudah dibentuk selain terdapat banyak pilihan. Terdapat 50 spesies buluh di Malaysia, genus yang boleh didapati di Malaysia ialah *Bambusa*, *Dendrocalamus*, *Dinochloa*, *Gigantochloa*, *Racemobambos*, *Schizotachyum*, *Thyrsostachys*, *Chusqua*, *Phyllostachys* dan *Yushania* (Azmy 1992). Manakala rotan pula merupakan bahan mentah kedua pentingnya samada digunakan secara langsung atau sebagai bahan sokongan. Di hutan hujan tropika di Malaysia terdapat lapan kumpulan rotan yang boleh dibahagikan kepada 104 jenis terdiri dari beberapa spesies seperti *Calamusinsignisvarinsignis*, *Daemonoropsmicracantha*, *Calamusgibbsianusdan*, *Calamustanakadatei* (Yeong 2005).



Rajah 3: Peratusan penggunaan sumber tumbuhan hutan

KESIMPULAN

Corak adaptasi di persekitaran tanah tinggi, hutan dan sungai dipengaruhi oleh corak ekonomi tradisional yang bergantung kepada pertanian saradiri terutama padi bukit satu ketika dahulu. Persekitaran begini menawarkan tanah yang subur selain didorong oleh kepercayaan bahawa kawasan begini dihuni roh dan semangat yang dipuja untuk mendapatkan pertolongan. Dalam aspek budaya material, persekitaran begini amat kaya dengan pelbagai spesies tumbuhan hutan yang boleh dieksploitasikan sebagai bahan mentah untuk menghasilkan peralatan budaya material. Secara keseluruhan, buluh merupakan bahan mentah paling dominan dan mempunyai peranan yang besar dalam aspek budaya material mereka. Penggunaan buluh digunakan secara meluas dalam hampir kesemua aspek seperti rumah kediaman, alat pengeluaran, alat ritual, alat muzik dan sebagainya. Carey (1976) mengaitkan masyarakat Temiar dengan 'budaya buluh' atau '*bamboo culture*'. Dalam aspek penciptaan, meskipun peralatan budaya material di kawasan kajian berasaskan teknologi yang ringkas tetapi hasilnya amat berkesan dan rasional. Pengetahuan untuk mencipta adalah berdasarkan kebolehan dan kemahiran seseorang individu, sama ada dipelajari atau diwarisi secara turun temurun.

PENGHARGAAN

Kajian yang dihasilkan ini adalah sebahagian dari hasil kajian Etnoarkeologi Orang Asli Malaysia melalui Geran Projek Kajian Pengebumian dan Ritual Orang Asli RU TOP DOWN 1001/PARKEO/870014. Penulis ingin merakamkan ucapan terima kasih terutama kepada Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi Profesor Dato Dr. Muhammad Jantan atas segala sokongan. Kepada semua informan dan penduduk Temiar di kawasan kajian, terima kasih atas segala bantuan dan kerjasama.

RUJUKAN

- Azmy Hj Mohamed. 1992. *Potensi Rebung Buluh di Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia.
- Benjamin, G. 1966. Temiar Social Grouping. *Federation Museums Journal* XI(New Series): 1-25.
- Carey, I. 1976. *Orang Asli The Aboriginal Tribes of Peninsular Malaysia*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

- Hamid Mohd Isa. 2014. *Keturunan Pemburu Pemungut Lanah Terakhir di Malaysia*. Siri Arkeologi Perdana. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- John Slimming. 1968. *Temiar Jungle*. London: Oxford University Press.
- Susan M. Pearce. 1989. *Museum Studies in Material Culture*. London: Leicester University Press.
- Yeong P. F. 2005. *Sri Alam Semula Jadi Malaysia Rotan dan Buluh*. Edu Quest Publisher.

Temubual

Temubual: Along bin Angah, 25 November 2015, Kajian Etnografi Orang Asli Malaysia

Temubual: Rotifah binti Idris, 24 November 2015, Kajian Etnografi Orang Asli Malaysia

Noorsyarmalaila binti Ramli
Pusat Penyelidikan Arkeologi Global
Universiti Sains Malaysia
Email: Laila_USM@yahoo.com.my

Hamid Muhammad Isa (Ph.D)
Pensyarah Kanan
Pusat Penyelidikan Arkeologi Global,
Universiti Sains Malaysia
Email: hamid@usm.my

Mokhtar Saidin (Ph.D)
Pengarah/Professor
Pusat Penyelidikan Arkeologi Global
Universiti Sains Malaysia
Email: mmokh@usm.my